

Babitkan kakitangan Petronas peringkat tinggi, pekerja baharu tidak terlibat

Majoriti pekerja kontrak - PM

UTUSAN MALAYSIA

07 JUN 2025

m/s: 1

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
dan **HENDRA WINARNO**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri mengesahkan pengurangan sebanyak 10 peratus kakitangan Petroliaam Nasional Bhd. (Petronas) dan majoritinya adalah pekerja kontrak.

“Iya, banyak pekerja kontrak,” kata Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika ditemui

pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Ikhwan, Desa Pinggiran Putra, dekat sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai langkah penstrukturan semula syarikat minyak negara itu dengan menjangkakan kira-kira lebih 5,000 pekerja akan terbabit atau kira-kira 10 peratus daripada keseluruhan kakitangan.

Semalam, Presiden dan Ketua Eksekutif

Kumpulan Petronas, Tan Sri Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz memaklumkan, jumlah pemberhentian pekerja itu jauh lebih kecil berbanding syarikat-syarikat antarabangsa yang telah melakukan pemberhentian pekerja secara besar-besaran ekoran ketidaktentuan industri minyak dan gas di peringkat global.

Bersambung di muka 3

Majoriti pekerja kontrak - PM

Dari muka 1

Beliau berkata, ketika ini terdapat lebih tenaga kerja dalam beberapa peringkat dan ia tidak setanding dengan apa yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa.

Tengku Muhammad Taufik berkata, rasional untuk penstrukturan ini adalah untuk mengubah semula cara Petronas beroperasi supaya mampu bertahan dan seperti syarikat antarabangsa.

Beliau menegaskan, kakitangan peringkat tinggi akan diberhentikan termasuk pekerja kontrak manakala pekerja baharu tidak terbahit.

Petronas antara banyak syarikat minyak dunia telah mengumumkan pengurangan pekerja terutama disebabkan kejatuhan harga minyak dan persaingan sengit di peringkat global.

Jelasnya, keseluruhan industri minyak dan gas pada

masa kini adalah tidak berapa baik.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd., Dr. Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, keputusan Petronas mengurangkan 10 peratus tenaga kerjanya dilihat sebagai langkah komersial yang perlu dalam memastikan daya saing syarikat terus kekal serta sumbangannya kepada pendapatan negara dapat diteruskan.

Menurutnya, langkah tersebut wajar difahami dalam konteks landskap industri minyak dan gas yang semakin mencahar ketika ini.

Katanya, penemuan telaga minyak baharu yang semakin berkurangan serta peningkatan ketara kos operasi melibatkan buruh, peralatan dan pengangkutan turut memberi tekanan terhadap margin keuntungan syarikat minyak dan gas.

"Industri ini telah lama berdepan tekanan margin ke-

untungan yang semakin mengecil.

"Oleh itu, Petronas tiada pilihan selain mengambil keputusan strategik untuk merombak keperluan tenaga kerja sebagai sebahagian daripada langkah penstrukturan semula," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Mengulas lanjut, Mohd. Afzanizam berkata, selain pengurangan tenaga kerja, Petronas disarankan melabur secara agresif dalam teknologi yang boleh dimanfaatkan merentas pelbagai sektor organisasi bagi meningkatkan produktiviti dan keuntungan.

"Pelaburan dalam teknologi bukan sahaja dapat mengoptimumkan operasi sedia ada, malah membuka ruang kepada inovasi dan efisiensi lebih tinggi di seluruh rantaian nilai Petronas," jelasnya.

Bagi pakar ekonomi, Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob pula berpendapat, keputusan

yang dibuat Petronas bersifat berhati-hati dan terkawal, mencerminkan komitmen terhadap keseimbangan antara kelangsungan perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat.

Beliau berkata, antara langkah strategik jangka panjang yang boleh diambil termasuk melabur dalam tenaga boleh diperbaharui seperti solar, hidrogen dan angin bagi mengurangkan kebergantungan kepada minyak dan gas.

"Selain itu, penerapan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), data besar dan Internet Pelbagai Benda (IoT) juga mampu meningkatkan kecekapan operasi serta mengurangkan kos dalam jangka panjang.

"Petronas juga boleh memperkukuh rantaian bekalan global menerusi kerjasama strategik dengan syarikat asing serta memperluas kehadiran di pasaran baharu yang berpotensi," ujarnya.